

Malaysia model negara Islam

UM - 28/2/2007

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Kemampuan Malaysia mengekalkan keamanan tanpa sebarang konflik dalaman membuktikan kerajaan berjaya membentuk rakyat berbilang kaum supaya mengamalkan kehidupan yang aman dan damai.

Pengarah Kumpulan Pembangunan Perdagangan Antarabangsa dan Pelaburan United Kingdom bagi rantau Asia Pasifik, Asif Ahmad berkata, kelebihan itu membolehkan Malaysia menyediakan prasarana dan kemudahan yang sempurna kepada penduduknya.

Malah beliau menyifatkan, wanita di negara ini tidak ketingga-

lan memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan negara dengan adanya peluang-peluang pendidikan dan kerjaya yang ditawarkan dalam pelbagai sektor.

"Negara ini amat istimewa kerana masyarakat yang berbilang kaum dan mengamalkan budaya berbeza dapat hidup dengan harmoni dan bersatu padu.

"Namun, pada masa yang sama, setiap individu tidak lupa peranan mereka untuk terus mengekalkan keharmonian dalam negara.

"Sewajarnya ia menjadi model kepada negara Islam yang lain," kata beliau kepada pemberita di Gombak dekat sini hari ini.

Beliau ditemui selepas menyampaikan syarahan bertajuk *Penduduk Islam di Britain* di Universiti

Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi British, Boyd McCleary.

Mengenai cabaran kehidupan penduduk Islam di Britain, beliau berkata, mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan pendidikan awal.

Cabaran

Katanya, tidak dinafikan banyak sekolah rendah dan menengah termasuk sekolah swasta bagi pelajar Islam tetapi pendidikan peringkat awal masih belum secara menyeluruh.

Beliau berkata, antara cabaran lain ialah daripada aspek pemaka-

ian hijab dan purdah yang sering mencetuskan kekeliruan.

Tegas beliau, tidak ada sebarang undang-undang yang diperkenalkan untuk menentukan pakaian yang boleh atau tidak boleh dipakai oleh orang Islam.

"Wanita Islam dibenarkan memakai hijab iaitu tudung kepala tetapi purdah diharamkan.

"Tidak dinafikan selepas peristiwa 11 September, wanita yang memakai hijab menimbulkan rasa kurang selesa tetapi situasinya berbeza di Britain. Malah ia juga tidak boleh dikaitkan dengan isu pengganas," tegas beliau.

Menurut beliau, pada masa kini terdapat hampir dua juta penduduk Islam daripada keseluruhan jumlah penduduk di Britain.

